

**REPRESENTASI MOTIF BATIK LUKIS DI NEGERI
PAHANG: SATU KAJIAN LITERATUR**
*(THE REPRESENTATION OF BATIK PAINTING MOTIF
IN PAHANG: A LITERATURE REVIEW)*

Sharulnizam Ramli
Universiti Malaysia Kelantan

Sabzali Musa Kahn
Universiti Malaya

Mohd Nuri Yaacob
Universiti Teknologi Mara

Abstrak

Masyarakat di negara kita lebih mengenali batik dari negeri Kelantan dan Terengganu. Tidak ramai yang mengenali batik dari negeri Pahang. Penghasilan kraf tradisional seperti tenun Pahang lebih menjadi sebutan. Dengan kata lain, masyarakat di negara ini belum benar-benar mengenali keistimewaan seni batik lukis yang dihasilkan di negeri Pahang terutama motif figuratif. Maklumat yang didapati hanyalah gambaran umum tentang batik lukis Pahang sahaja. Justeru, penyelidikan kualitatif rekabentuk kajian literatur telah digunakan bagi meneroka dan memahami proses penghasilan motif batik lukis di Pahang berdasarkan daripada sudut penjaanaan idea, penggiat, ekspresi, representasi, persekitaran, kreativiti dan estetika bagi memahami pembuatan batik lukis di negeri Pahang sebagai warisan seni Melayu yang perlu dipertahankan.

Kata kunci: batik lukis, motif batik, kesenian, kebudayaan.

Abstract

Malaysian society is familiar with batik produced in Kelantan and Terengganu states, but very little is known about batik from Pahang, which is revered for its traditional 'tenun Pahang' (Pahang woven fabric). The reason for this lack of understanding regarding the uniqueness of batik lukis (hand drawn batik) from Pahang is that much information about it offers only general descriptions. This research is a qualitative study of literature that explores the process of producing Pahang's batik lukis from perspectives of idea generation, the practitioners, cultural expressions and representation, the environment, and creativity and aesthetics, in order to delve deeper into a Malay art heritage worthy of preservation.

Keywords: batik lukis, batik motifs, arts, culture.

Pengenalan

Seni batik cukup sinonim dengan masyarakat Melayu dan berkembang pesat seiring dengan peredaran zaman. Dalam era ini, batik dianggap sebagai satu simbol atau lambang masyarakat Malaysia yang menjadi contoh kepada keutuhan masyarakat majmuk di rantau ini. Jelasnya, seni kraf seperti batik bukan sesuatu yang asing dalam masyarakat Malaysia. Sudah sekian lama kesenian batik mewarnai dan digunapakai dalam kehidupan masyarakat Melayu serta bangsa Malaysia amnya.

Perkataan batik dikatakan berasal dari bahasa Indonesia yang bermaksud pakaian yang mempunyai titik-titik kecil. Perkataan 'tik' bermaksud 'titik'. Terdapat juga yang menyatakan bahawa perkataan batik berasal dari bahasa Jawa iaitu 'ba' dan 'tik' yang bermaksud setitik lilin (Siti Zainon Ismail, 1986). Eloise Piper (2001) dalam penulisannya berjudul *BATIK: for Artist and Quilters* pula menyatakan bahawa batik berasal dari perkataan Jawa yang bermaksud lukisan berasaskan pengilat berlilin yang menggunakan satu kaedah tradisional bagi menghasilkan tulisan bergambar atau motif yang timbul di permukaan tekstil atau kain.

Mutu dan kualiti batik sering menjadi sebutan bagi pengemar kraf ini. Ciri-ciri batik yang berkualiti biasanya tidak mudah luntur warnanya akibat basuhan, gosokan dan cahaya matahari. Ciri-ciri lain adalah daripada corak dan warna sekata pada bahagian hadapan dan belakang kain. Di samping itu juga, corak atau motif pada batik yang dihasilkan adalah dipengaruhi oleh persekitaran dan sosio budaya masyarakat di Malaysia. Batik tulen atau asli biasanya menggunakan lilin sebagai bahan penahan bagi mengasingkan warna. Manakala batik tiruan pula tidak menggunakan lilin dan mencetak motif menggunakan skrin.

Motif merupakan sebahagian daripada imej yang dilihat oleh mata manusia. Pada jarak yang berbeza, satu imej yang sama mungkin akan dianggap atau mungkin kelihatan berbeza (Collingwood, 1938). Menurut Sarah Arney (1987) dalam penulisan makalah beliau berjudul *Malaysian BATIK: Creating New Traditions* menjelaskan bahawa pembuatan batik Malaysia di abad 20 telah memperlihatkan tradisi baru bangsa Malaysia yang menampilkan jenis dan motif batik yang menjadi simbol perpaduan kepada bangsa dan berupaya mengekalkan nilai sebenar untuk terus diwarisi serta digemari oleh masyarakat yang mendokongnya.

Motif-motif fauna dan flora yang diilhamkan oleh penggiat kraf batik di Malaysia sering menampilkan perkaitan dengan persekitaran dan alam semulajadi di samping memaparkan keindahan ciptaan Tuhan. Tidak kurang juga representasi visual secara kreatif menerusi motif geometrik dan figuratif. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan untuk mengekalkan serta mempertahankan seni warisan telah menjadikan industri batik di Malaysia semakin berkembang pesat. Tambahan pula industri batik di Malaysia merupakan industri seni yang dilindungi sepenuhnya oleh pihak kerajaan kerana batik merupakan simbol bagi seluruh rakyat Malaysia (Leigh 2002).

Edmund Burke Feldman (1992) dalam bukunya yang berjudul *Varieties of Visual Experience* menjelaskan seni wujud seiring dengan kesan sejarah dan ketamadunan manusia yang masih berkembang seiring dengan pembangunan dan kemajuan manusia mengikut zamannya. Hal ini bermaksud bahawa sesuatu kebudayaan itu bermula daripada satu pembangun yang berasaskan perkembangan perasaan peribadi seseorang individu dan seterusnya dengan kelompok sosial dan keagamaan kerana

manusia mempunyai keperluan biologi, sosial dan rohani. Pembangunan tersebut sentiasa berterusan dengan menggunakan seni sebagai satu instrumennya.

Tjetjep Rohendi Rohidi (2000) berpendapat bahawa kesenian sebagai satu pedoman bagi pemenuhan keperluan intergratif, yang berkaitan dengan keindahan, berfungsi mengintergrasikan pelbagai keperluan tersebut untuk membentuk penyatuan masyarakat yang diterima oleh citarasa yang langsung ataupun tidak langsung dengan moral dan akal fikiran masyarakat tersebut. Memetik Siti Zainon Ismail (1985: 9), dalam bukunya berjudul *Getaran Jalur Dan Warna* menyatakan:

Kurang pasti bila kesenian itu wujud. Berdasarkan teori seni sejagat, ia ada di mana-mana sahaja manusia akan membina kehidupannya, kerana ia berpunca dari keperluan lahir dan batin serta berkaitan dengan nilai kepercayaan yang telah mendarah daging.

Representasi Visual

Representasi visual dalam motif-motif batik lukis merupakan tarikan utama bagi seni kraf ini. Rudolf Arnheim (1954) menjelaskan bahawa konsep representasi melengkapinya persamaan, perantara khusus, konsep visual yang bertujuan untuk divisualisasikan, seterusnya mencari manifestasi luaran karya-karya pada pensil, berus dan pahat. Pembentukan konsep perwakilan amat penting kerana membezakan karya seorang seniman dengan bukan seniman.

Representasi atau perwakilan gagasan pemikiran Osborne (1970) pula menjelaskan bahawa proses menggambarkan semula sesuatu tafsiran secara semulajadi (*nature representational art*) terdapat dalam karya-karya kesusasteraan dan seni drama manakala dalam catan seni visual dan arca, representasi mungkin berlaku tetapi tidak semestinya dijelmakan secara perwakilan semulajadi.

Perwakilan dalam seni boleh didapati baik secara semulajadi atau lambang yang muncul menerusi pencernaan dan penjanaan idea yang


didapati melalui pemerhatian serta pengalaman bagi mengaplikasikannya pada seni lukis dan kraf. Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian literatur. Natural Batik Village yang terletak di Balok dalam daerah Kuantan di negeri Pahang telah dipilih sebagai lapangan kajian bagi penyelidikan ini. Pemerhatian terhadap penghasilan batik lukis di Natural Batik Village dan temu bual secara tidak berstruktur melibatkan seorang penggiat seni batik yang berpengalaman iaitu Encik Ghazali bin Che Omar sebagai informan bagi mengumpul data-data. Beliau juga merupakan pengasas syarikat Natural Batik Village di Pahang.



Gambar 1: Encik Ghazali Che Omar sebagai informan di lapangan kajian

Menerusi penyelidikan ini, data-data pemerhatian yang diperolehi menerusi rakaman foto dan video dapat memudahkan pemahaman. Antara data-data yang diperolehi menerusi pemerhatian adalah seperti Gambar 2 hingga Gambar 6 iaitu ditunjukkan berdasarkan motif-motif yang dihasilkan oleh pelukis batik di Natural Batik Village. Motif-motif batik lukis yang dihasilkan oleh penggiat di Natural Batik Village adalah motif figuratif, fauna, flora, geometrik, jalur dan titik. Selain itu, data daripada temubual memfokuskan kepada perkara-perkara berikut dan diringkaskan dalam Rajah 1:

- i) Mendapatkan penerangan daripada penggiat berkenaan dengan motif-motif yang terdapat dalam batik lukis
- ii) Proses-proses penghasilan batik lukis
- iii) Pengaruh-pengaruh yang wujud dalam batik lukis
- iv) Pendidikan dan mesej yang ingin disampaikan oleh penggiat menerusi penghasilan batik lukis
- v) Perkaitan motif batik lukis dengan persekitaran



Rajah 1: Fokus temu bual tidak berstruktur dengan penggiat



Gambar 2: Motif Figuratif
(Nelayan baru pulang daripada menangkap ikan di laut)

Berdasarkan lukisan batik di atas memperlihatkan keinginan penggiat iaitu Encik Ghazali bin Che Omar untuk berekspresi dengan kehidupan dalam sebuah perkampungan nelayan di pinggir laut. Pengaruh persekitaran di antara kreatifiti penggiat dengan kehidupan masyarakat sekeliling telah mencetuskan idea ini. Ia menggambarkan kecekalan masyarakat Melayu di kawasan pesisiran pantai yang sinonim dengan aktiviti penangkapan ikan. Penghasilan motif figuratif dalam batik lukis merupakan motif yang menjadi tarikan utama peminat seni halus berkunjung ke Natural Batik Village di Pahang.




Gambar 3: Motif fauna yang dihasilkan oleh penggiat

Berdasarkan Gambar 3 di atas, kehidupan di laut dalam digambarkan oleh penggiat batik lukis bagi menunjukkan keindahan ciptaan tuhan. Berdasarkan temubual, Encik Gazali bin Che Omar sebagai penggiat menyatakan bahawa idea ini merupakan imaginasi beliau sepenuhnya. Menurut beliau, motif fauna seperti ini dihasilkan menerusi batik lukis bagi tujuan mendidik masyarakat khususnya golongan muda agar menjaga serta menghargai keindahan laut dan hidupan di dalamnya. Konklusinya, imaginasi manusia tidak ada batas masa dan sempadan. Gabungan imaginasi dan estetika dalam diri manusia telah berjaya menghasilkan batik lukis yang kreatif seperti ini.



Gambar 4: Motif flora (sepit udang)

Motif flora dalam Gambar 4 seperti di atas memperlihatkan pengamatan yang sangat teliti oleh penggiat dalam menunjukkan keindahan alam hasil ciptaan tuhan. Motif ini adalah sebahagian daripada imej bunga kiambang yang lebih dikenali sebagai sepit udang oleh Encik Ghazali. Nilai seni atau artistik yang dihasilkan menerusi batik lukis ini menjelaskan minat dan ketekunan penggiat dalam usaha mengekalkan seni warisan Melayu di negara ini.



Gambar 5: Motif jalur dan titik

Motif jalur dan titik seperti dalam Gambar 5 banyak dihasilkan oleh penggiat di Natural Batik Village. Menurut Encik Ghazali, motif ini lebih kepada imaginasi berbentuk abstrak. Ia lebih bebas dan tidak terkongkong berbanding membentuk sesuatu imej atau rupa. Arnheim

(1969) mendefinisikan penghasilan imej yang paling tinggi nilai dalam persepsi visual adalah karya seni berbentuk abstrak.



Gambar 6: Motif geometric

Motif geometrik turut dihasilkan di Natural Batik Village. Seperti dalam Gambar 6 di atas, penggiat menampilkan rupa atau imej rekabentuk rumah di perkampungan orang Melayu. Jarak kedudukan setiap rumah ditunjukkan adalah berdekatan dan berkelompok. Ia melambangkan penempatan masyarakat Melayu di sesebuah perkampungan nelayan. Beberapa buah sampan dapat dilihat di bawah beberapa buah rumah yang dihasilkan menerusi motif batik lukis berbentuk geometrik ini.

Persepsi ini mudah ditafsir memandangkan Natural Batik Village terletak di pantai Balok yang terkenal dengan keindahan alamnya. Justeru, penggiat mendapat ilham berdasarkan persekitaran di sekeliling bagi menghasilkan motif berbentuk geometrik seperti dalam Gambar 6 di atas.

Kesenian dan Kebudayaan

Batik bukan seni yang asing di negara kita dan dianggap sebagai budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Tambahan pula pihak kerajaan turut menyokong dengan membudayakan pemakaian batik dalam kalangan penjawat awam pada setiap hari Khamis sebagai lambang keistimewaan batik sejak turun temurun. Penerimaan seni ke dalam

sesebuah masyarakat tidak boleh dipisahkan dengan kelestarian budaya sesebuah masyarakat yang mendokongnya (Rohidi 2000).

Terdapat beberapa pengertian kesenian menurut kacamata ulama dan sarjana Islam. Ibnu Khaldun seorang tokoh ilmuan Islam yang unggul berpendapat bahawa seni merupakan suatu kebenaran, keindahan dan kebaikan (Md & Iberahim 2003). Menurut beliau, dalam seni terkandung ciri-ciri estetika, etika dan logika yang berkaitan dengan nilai-nilai akidah, syarak dan akhlak. Kesenian mesti bersumberkan Al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas yang berpaksikan Allah s.w.t. sepenuhnya.

Menurut pandangan Al-Faruqi, seorang cendekiawan dan aktivis Islam mengatakan bahawa seni adalah proses penemuan alam dalam usaha menghasilkan intipati dalam bentuk tampak. Seni dicipta melalui kemahiran dan mempunyai nilai estika. Seni dalam Islam mestilah menggambarkan keseluruhan nilai-nilai kehidupan manusia (Ibid.).

Dalam erti kata lain, seni adalah suatu keindahan. Lumrah seseorang manusia sememangnya menyukai kecantikan dan keindahan. Hal ini diterima mengikut tingkat ilmu dan perspektif yang berbeza mengikut budaya dan intelektual sesebuah masyarakat. Menerusi pengaruh persekitaran dan pengalaman yang manusia perolehi di dalam kehidupan seharian antara sebab kesenian dicipta seperti mana yang pernah diungkapkan John Dewey (1934: 24):

Art is thus prefigure in the very processes of living.

Howard Conant (1964) pula berpendapat bahawa untuk memahami seni, manusia mesti belajar melihat, nampak, dan bukan hanya sekadar memandang tetapi mesti mempunyai kesedaran terhadap sesuatu yang dilihat. Manusia juga mesti mempelajari untuk menyelami dan menghayati, berupaya bertindak balas secara emosional, mesti memiliki kesedaran kepada jawapan dan tindak balas serta tidak sekadar memahami secara kabur. Conant turut menegaskan bahawa untuk memahami seni, manusia juga mesti belajar berfikir secara visual dan bukan hanya secara verbal atau kata-kata. Manusia juga perlu belajar bertindak balas secara empatik dan jasmani untuk bekerja dalam seni yang diceburi.

Konsep kebudayaan pula dianggap boleh dipelajari menerusi golongan dewasa dalam masyarakat. Kebudayaan turut boleh diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain dan boleh ditokok tambah. Persekitaran dikatakan mempunyai perkaitan yang rapat dengan kualiti kebudayaan. Taylor dalam Norazit Selat (1993: 59) telah memberi satu takrif yang klasik mengenai konsep kebudayaan seperti berikut;

kebudayaan merupakan satu keseluruhan yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesesuaian, undang-undang, adat resam dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

White, dalam Norazit Selat (1993: 60), pula mendefinisikan kebudayaan dengan melihat perkaitannya dengan simbol. Beliau mengutarakan:

kebudayaan adalah satu organisasi fenomena – perlakuan (pola tingkahlaku), objek (alat bertukang dan barang lain yang dibuat daripada alat tadi), idea (kepercayaan dan ilmu pengetahuan), dan sentimen (sikap dan nilai) – yang bergantung kepada penggunaan symbol.

Menurut White, sesuatu kebudayaan bermula dengan wujudnya manusia. Kebudayaan telah diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain disebabkan oleh sifat simboliknya. Sesuatu kebudayaan boleh berkembang dan terus dicipta mengikut kualiti dan kesanggupan masyarakatnya. (Rohidi 1998)

Menurut Gheertz dalam Rohidi (2000) menjelaskan bahawa kebudayaan adalah keseluruhan pengetahuan, kepercayaan, nilai-nilai yang dimiliki oleh manusia sebagai makhluk sosial, yang isinya adalah peringkat-peringkat model pengetahuan atau sistem-sistem makna yang terjalin secara menyeluruh dalam simbol-simbol yang dipindah secara bersejarah. Menurut beliau, model-model pengetahuan ini digunakan secara selektif oleh warga masyarakat pendukungnya untuk berkomunikasi, melestari dan menghubungkan pengetahuan dan bersikap serta bertindak dalam ruang lingkup persekitaran bagi tujuan memenuhi pelbagai keperluan.

Unsur-Unsur Yang Mempengaruhi Penghasilan Motif Batik Lukis

Berikut adalah unsur-unsur yang mempengaruhi penghasilan motif-motif batik lukis di Natural Batik Village berdasarkan gambar-gambar motif yang telah ditunjukkan di atas iaitu:

Penjanaan Idea dan penggiat

Salah satu aspek penting untuk berkarya yang ada dalam diri ialah idea. Idea merupakan 'kesedaran' terhadap sesuatu. Kesedaran ini melibatkan penggiat bertindak balas terhadap kehendak, imaginasi, representasi, pengetahuan, konsep, ingatan, objektif, persepsi, kesedaran, kreativiti dan sebagainya. Ini yang dapat dilihat pada motif-motif batik lukis di Natural Batik Village. Pitcher (1997) menyatakan bahawa penggiat atau *craftman* merupakan seorang individu yang tidak mendapat pendidikan formal di atas kemahirannya. Pengalaman sama ada pengalaman luaran mahupun dalaman dilihat banyak memanipulasi kesungguhan dan kemahiran seorang penggiat. Seorang penggiat dikatakan seorang amatir tanpa pendidikan formal yang dimiliki walaupun masyarakat melabelkannya sebagai mahir dalam bidang kraf. Seorang penggiat juga biasanya tidak mengangkat dirinya sebagai seniman sehinggalah masyarakat menyedarkannya tentang keistimewaan itu.

Chapman (1978) dalam bukunya *Approaches to Art in Education* menyatakan dalam proses menjana dan menghasilkan idea, pengkarya atau penggiat perlulah menentukan serta menetapkan terlebih dahulu objektif dan halatuju karya.

Mengikut Torrance (1990) kemahiran berfikir secara kreatif bermaksud keupayaan berfikir dengan menggunakan pelbagai operasi mental iaitu kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian idea untuk menghasilkan sesuatu yang asli, baru dan bernilai. Ini bermaksud semasa menjana idea baru, otak berfikir untuk penghasilan idea yang banyak (kelancaran), idea yang pelbagai atau berbeza-beza (kelenturan), idea yang unik (asli), mempunyai penghuraian yang terperinci dan berguna (bernilai). Setiap jawapan dalam alat ukur ini dinilai dari segi konstruk: kefasihan (*fluency*), kelenturan (*flexibility*) dan keaslian (*originality*).

Penjanaan idea memerlukan kecerdasan akal dalam memanipulasikan fikiran bagi meluahkan keinginan baru dalam konteks kehidupan manusia. Penglibatan dan penerokaan idea secara aktif merupakan antara satu proses pembelajaran manusia yang terhasil menerusi pengalaman dan keperluan. (Piaget 2001)

Bagi menghasilkan karya kraf seperti batik, pastinya idea-idea baru sangat diperlukan oleh penggiat terutama dalam menghasilkan batik canting yang memerlukan gabungan kemahiran psikomotor, kognitif dan efektif (Bloom 1956). Oleh yang demikian, penjanaan idea sangat penting bagi penggiat dalam mengeksplorasikan motif-motif pada kanvas. Bagi Che Ghazali bin Che Omar, penjanaan idea tidak dapat dipisahkan dengan tempoh pengalaman seseorang penggiat dalam menghasilkan batik lukis. Contohnya pengalaman dalam kehidupan seharian dan pemerhatian yang dilakukan terhadap budaya sesebuah masyarakat.

Kreativiti

Kreativiti penggiat menerusi penghasilan motif-motif batik di Natural Batik Village adalah segar, baharu, tulen dan berbeza. Berbanding dengan penghasilan batik di Terengganu dan Kelantan, penggiat batik lukis di Pahang telah menghasilkan batik bermotifkan figura yang sinonim dengan masyarakat di negara ini.

Marilyn Fryer (2012) menjelaskan bahawa terdapat dua tahap penting bagi mengukur dan menganalisis kreativiti dalam sesuatu penyelidikan terhadap individu, proses, produk dan persekitaran atau kombinasi di antara empat aspek tersebut. Bagi tahap yang pertama, ia mesti mengambil perhatian terhadap tujuan kajian bagi mendapatkan penemuan-pemuan yang berhubung kait dengan pengetahuan asas dalam lapangan kreativiti. Tahap kedua yang perlu diambil kira adalah menggunakan pengetahuan berkenaan dengan sifat semulajadi kreativiti dan penjanaan kreativiti untuk dinilai. Contohnya keupayaan dan pencapaian-pencapaian yang dimiliki manusia, latar belakang pendidikan mahupun latihan serta faktor kontekstual dan persekitaran

Elliot Paul Torrance (1990) selaku Bapa Kreativiti menyatakan kreativiti sebagai proses menjadikan seseorang itu lebih peka terhadap

masalah kekurangan, jurang pengetahuan, unsur-unsur yang hilang, ketidakharmonian dan sebagainya. Selain itu, seseorang itu juga berupaya mengenalpasti sesuatu perkara yang sukar, mencari kaedah dan pendekatan baru serta membuat penyelesaian, membuat tekaan dan membentuk andaian atau hipotesis terhadap kekurangan-kekurangan tersebut. Individu tersebut juga boleh menjalankan ujian serta mengkaji semula hipotesis-hipotesis dan mengubahsuai di samping menguji semula dan akhirnya menyalurkan keputusannya untuk dikongsi bersama dengan orang lain.

Berdasarkan penulisan Robert T. Brown (1989), Fisher (2002) dan Ananda Kumar Palaniappan (2008), ketiga-tiganya mempunyai pandangan yang sama berkenaan dengan kreativiti iaitu kreativiti mengandungi sekurang-kurangnya tiga atau empat aspek yang utama. Ia merangkumi proses-proses yang kreatif, produk yang kreatif, individu yang kreatif dan situasi atau persekitaran yang kreatif atau kombinasi di antara empat aspek tersebut

Lowenfeld & Britain (1978) pula berpendapat kreativiti sebagai satu naluri semula jadi yang dimiliki setiap orang sejak lahir. Naluri itu adalah faktor pertama digunakan bagi menyelesaikan atau membuat pernyataan kehidupan. (Amabile 1989), (Fisher 2002) dan (Barnes 1987).

Mihalyi (1996) dalam bukunya *Creativity: Flow and the Psychology of Discovery and Invention* menegaskan kreativiti di dalam diri manusia akan muncul selagi manusia mahu berfikir dan bertindak secara spontan bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Dengan kata lain, manusia akan menjadi kreatif apabila keadaan mendesak mereka agar berfikir dan gembira melakukan sesuatu bagi memenuhi keperluan yang menuntut refleksi otak secara spontan.

Gardner (1983) dengan *The Theory of Multiple Intelligences* dalam penulisannya berjudul *Frames of Mind* turut menjelaskan kreativiti dari sudut visual spatial yang dimiliki oleh manusia tertentu, bijak memanipulasi visual dan karya seni secara kreatif bagi menarik perhatian manusia lain. Namun demikian, terdapat pendapat bahawa kreativiti dan kecerdasan tidak berkaitan. Kreativiti dikatakan tidak mempunyai persamaan dengan kecerdasan manusia atau bakat istimewa (Runco

2004). Dengan kombinasi warna dan motif yang terang dalam penghasilan batik lukis contohnya, tidak hairanlah kreativiti pada motif yang terdapat pada batik lukis tetap kekal diterima pakai oleh masyarakat di dalam negara kita. Malahan tidak keterlaluan jika permintaan terhadap seni batik tempatan turut menarik minat pelancong dari luar negara yang berkunjung khususnya ke Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Secara keseluruhannya, tingkat awal kreativiti dapat dibentuk berdasarkan pengalaman yang telah dialami dan dilalui oleh seseorang. Sebuah karya seni tidak akan lengkap tanpa sentuhan kreativiti bagi menghasilkan motif batik lukis.

Ekspresi

Seni diluahkan menerusi ekspresi manusia terhadap apa yang dilihat dan diluahkan sebagai bahasa komunikasi. Merujuk Figura 7 yang menggambarkan fenomena biasa dalam kehidupan berumah tangga apabila seorang isteri meleteri suaminya. Ekspresi lucu yang dihasilkan menerusi sentuhan batik lukis oleh penggiat menunjukkan bahawa pengalaman dan pemerhatian ke atas sesuatu peristiwa telah memberi idea kepada penggiat untuk berekspresi di atas kanvas. Ekspresi ini merupakan luahan spontan daripada seorang penggiat di Natural Batik Village iaitu Encik Ghazali yang kebetulan baru mendirikan rumah tangga.



Gambar 7: Motif figuratif (Peristiwa seorang isteri meleteri suaminya)

Rumusnya, motif figuratif seperti dalam Gambar 7 diatas menunjukkan bahawa ekspresi penggiat terhadap kaum wanita yang gemar berleter dalam kehidupan berumahtangga telah ditunjukkan dalam seni batik lukis. Luahan penggiat menerusi karya ini memperlihatkan bahawa sesuatu yang positif dan negatif dalam masyarakat boleh dikongsikan serta dinilai oleh masyarakat sama ada secara serius mahupun lucu.

Feldman (1967) menjelaskan bahawa imej-imej dalam visual telah mendahului bahasa penulisan sebagai salah satu daripada cara manusia berkomunikasi. Seni adalah imej yang berfungsi bagi meluahkan ekspresi dalam ruang dimensi psikologi yang wujud dalam kehidupan. Beliau menegaskan bahawa seni sebagai imej tidak hanya menterjemahkan pemikiran dan perasaan yang ada dalam diri manusia kepada tanda-tanda dan simbol-simbol biasa supaya dapat dibaca oleh manusia lain tetapi ia juga menampilkan keinginan untuk meneroka dan membentuk garisan-garisan, warna-warna, bentuk-bentuk serta bilangan-bilangan yang begitu bermakna kepada artis-artis seni dalam melukis gambar.

Oleh yang demikian, Feldman berpendapat tanpa seni sebagai imej dan idea maka tiada jaminan dalam mencari objektif ekspresi yang jelas bagi menunjukkan perasaan dan kesedaran. Guido Ballo (1969) turut menjelaskan bahawa ekspresi memainkan peranan utama bagi seorang pengkarya atau penggiat dalam menghasilkan karya.

Persekitaran

Kepentingan persekitaran di sekeliling manusia sering dijadikan sampel oleh manusia dalam menyampaikan maklumat dan merakam peristiwa yang berlaku pada satu-satu masa. Ini yang dilihat pada motif-motif batik lukis yang dihasilkan di Natural Batik Village. Pengaruh persekitaran juga melahirkan imej awal yang dihasilkan oleh manusia menerusi ekspresi dan representasi (Ahmad 2007). Imej awal yang dihasilkan oleh manusia menerusi lukisan gua di Altamira, Sepanyol pada tahun 1870 banyak menceritakan peristiwa-peristiwa yang dipengaruhi oleh persekitaran, pemburuan haiwan dan kepercayaan terhadap alam ghaib (Bromer & Kohl 1988). Pengaruh persekitaran turut menentukan tahap kreativiti seseorang penggiat atau manusia bagi menghasilkan produk kreatif. (Amabile 1989) dan (Albert 1990). Seymour Simmons (2009) pula

berpendapat kreativiti dalam penghasilan produk menunjukkan hubungan seni visual dengan persekitaran dalam kehidupan manusia.

Estetika

Manusia lazimnya akan menyukai dan mudah tertarik kepada keindahan apatah lagi kecantikan itu memperlihatkan sesuatu yang baru dan berbeza. Berkenaan dengan kecantikan dan estetika, Ini dapat disaksikan dalam motif batik lukis yang dihasilkan oleh penggiat di Natural Batik Village di Pahang. Contohnya gambar motif flora dan fauna yang memperlihatkan keindahan serta kecantikan warna bunga kiambang dan hidupan di laut dalam. Feldman (1967: 30) berkata:

Everyone seems to be concerned with what is beautiful, pleasing or appropriate in the visual world. That is, we are interested in beauty wherever it may be found—in people, in nature and in objects of daily use

Menurut Zakaria Ali (1989), estetika berasal dari perkataan Greek *aisthetikos* yang bererti sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan. Istilah ini digunakan kerana ia mengkaji konsep keindahan sebagai satu ilmu. Rohidi (2000) pula menjelaskan estetika atau keindahan mencakupi makna, antara lain bermaksud elok, molek, cantik, anggun, bagus, lembut, utuh, seimbang, padu, bening, tenang, hampa, suram, dinamik, kukuh, hidup, bergerak, hambar, sentimental dan tragis. Menurut beliau lagi, keindahan pada dasarnya merujuk kepada pengertian pelbagai perkara yang berhubungkait dengan keinginan, pemahaman dan kepekaan untuk membeza dan mengapresiasi makna daripada suatu bentuk karya manusia yang mengakibatkan lahirnya pelbagai perasaan seperti yang telah dinyatakan di atas.

Timbul tanggapan bahawa penghasilan dan mereka cipta ada hubungan yang sangat rapat dengan naluri manusia yang menyukai estetika. Pendekatan seni dilihat antara penyumbang kepada potensi kreatif dalam diri manusia. Ini dijelaskan oleh Gerald F. Bromer dan David Kohl (1988: 13) dengan penulisan yang berbunyi:

The reason that people in that past have made objects of great beauty may include functional considerations, religion, education, aesthetics, and humanity's inborn desire to create.

Howard Conant (1964) pula menyifatkan bahawa seseorang yang kreatif sangat peka dan sensitif terhadap kualiti keindahan dan kecantikan dalam semua bentuk yang dilihat. Kesedaran estetika ini akan menghasilkan input dan output kreatif yang berkualiti tinggi.

Harry S. Broudy (1988) pula menyifatkan persepsi estetika merupakan satu kelebihan sepertimana yang dicapai menerusi kognitif yang mungkin sesuai digelar sebagai satu perasaan yang lahir bersama-sama dengan pengetahuan yang juga seperti pengetahuan yang dicituskan oleh perasaan. Ini merupakan persepsi dan naluri yang dilahirkan menerusi pancaindera terhadap sesuatu imej bagi tujuan menyampaikan keinginan manusia (Vecchi 2010).

Secara keseluruhannya, estetika mempunyai kaitan dengan perasaan yang menggembirakan, menyenangkan dan menghargai sesuatu yang menampilkan kecantikan dan keindahan yang wujud di sekeliling manusia.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan penyelidikan telah menunjukkan bahawa representasi motif fauna dan flora merupakan dua motif batik lukis utama yang telah diproses dan dihasilkan oleh penggiat di Natural Batik Village. Walaupun terdapat motif titik dan geometrik tetapi penghasilan bagi motif batik lukis tersebut adalah terlalu sedikit kuantitinya. Menurut penggiat, ini adalah kerana kurangnya permintaan daripada masyarakat terhadap motif tersebut.

Representasi motif figuratif melalui penggambaran atau penceritaan yang dihasilkan oleh penggiat selaku informan utama kajian ini adalah motif yang paling menyerlah, begitu ketara dan dilihat banyak ditunjukkan dalam motif batik lukis di Natural Batik Village. Inilah yang membezakan batik lukis di Pahang berbanding dengan batik lukis daripada negeri Kelantan dan Terengganu. Ini turut diakui oleh Encik Ghazali bin Che Omar sebagai penggiat batik lukis di Pahang. Representasi motif figuratif pada batik lukis yang meluas di Pahang menunjukkan keterbukaan para penggiat di sana dalam berkarya ketika menjana idea berdasarkan ekspresi, persekitaran, kreativiti dan estetika.

Keterbukaan tersebut mendorong penyampaian sesuatu peristiwa pada motif batik lukis lebih difahami, bernilai dan unik menerusi penghasilan motif-motif figuratif. Seharusnya pengiat batik lukis di Terengganu dan Kelantan dapat menerima motif figuratif sebagai satu motif batik lukis yang tidak menyalahi ajaran sesuatu agama khususnya agama Islam selagi motif tersebut memberi kebaikan kepada masyarakat di dalamnya. Konklusinya, melalui penerimaan positif dan kesedaran oleh semua pihak terhadap kepentingan kesenian kraf kepada pola dan corak sosial dalam sesebuah masyarakat, kesenian kraf seperti batik lukis dilihat dapat menyumbang kepada membina dan melahirkan masyarakat khususnya generasi muda yang lebih berilmu, mencintai warisan bangsa, bersifat kompeten, kreatif, inovatif dan berdaya saing.

Rujukan

- Ahmad S. (2007). Sejarah Kesedaran Visual di Malaya. Tanjung Malim: UPSI.*
- Amabile, T. M. (1989). Growing Up Creative: Nurturing a Lifetime of Creativity. Amherst, Massachusetts: CEF Press.*
- Arnheim, R. (1954). Art and Visual Perception. London: University of California Press.*
- _____. (1991). Thoughts on Art Education. *California: The Getty Education Institute.*
- Arney, S. (1987). Malaysian BATIK: Creating New Tradition. Kuala Lumpur.*
- Ballo, G. (1969). The Critical Eye: A New Approach to Art Appreciation. London: Heinemann.*
- Bromer, G.F. & Kohl, D. (1988). Discovering Art History: Worcester, Massachusetts: Davis Publications.*
- Brown, R.T. (1989). Creativity: What Are We to Measure. In Glover, G.A, Ronning, R.R. & Reynolds, C.R. (Eds.), Handbook of Creativity (pp. 3-32). New York: Plenum Press.*

- Burke, P. (2005). History and Social Theory. New York: Cornell University Press.*
- Bystrom, E. (1972). Creating with Batik. Copenhagen: Sage Publications.*
- Collingwood, R.G. (1938). The Principles of Art. London: Oxford University Press.*
- Conant, H. (1964). Art Education. New York: The Center for Applied Research in Education, Inc.*
- Dewey, J. (2005). Art as Experience. New York: The Berkley Publishing Book.*
- Feldman, E.B. (1967). Art as Image and Idea. NJ: Prentice-Hill.*
- Feldman, E. (1992). Varieties of Visual Experience 4th Edition. New York: Kindle Edition.*
- Fisher, R. (2002). Teaching Qualities Initiative Conference, Hong Kong Baptist University. Creative Minds: Building Communities of Learning for the Creative Age. Retrieved from: <http://www.pantaneto.co.uk/issue25/fisher.htm> (Accessed 19 August 2013).*
- Fryer, M. (2012). Some Key Issues in Creativity Research and Evaluation as Seen from Psychological Perspective. Creativity Research Journal, 24 (1), 21-28.*
- Gardner, H. (1983). Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences. New York: Basic Book.*
- . (1993). *Multiple Intelligences. New York: Basic Book.*
- Leigh, B. (2002). Batik and Pewter: Symbols of Malaysian Pianissimo. Soujourn 17(1): 94-119.*
- . (2003). *The Changing Face of Malaysian Crafts: Identity, Industry & Ingenuity. London: Oxford University Press.*
- Lowenfeld, V. & Brittain (1978). Creative and Mental Growth Fourth Edition. New York: The Macmillan Company.*

- Md N. I. & Iberahim H. (2003). Pendidikan Seni untuk Maktab dan Universiti. Tanjung Malim: UPSI.*
- Mihalyi, C. (1996). Creativity: Flow and the Psychology of Discovery and Invention. New York: Harper Perennial.*
- Norazit S. (1993). Konsep Asas Antrapologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Osborne, H. (1970). The Art of Appreciation. London: Oxford University.*
- Othman L. (2007). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod. Tanjung Malim, Malaysia: UPSI.*
- Piaget, J. (2001). The Psychology of Intelligence. Routledge Classics: London.*
- Piper, E. (2001). BATIK: for Artist and Quilters. London: Search Press Limited.*
- Pitcher, P. (1997). The Drama of Leadership. John Wiley & Sons Inc: New York*
- Runco, M.A. (2004), Everyone Has Creative Potential. In Sternberg, R.J., Grigorenko, E.L. & Singer, J. L. (Eds.), Creativity: From Potential to Realization. (pp. 21-30). Washington DC: American Psychological Association.*
- Siti Z. I. (1985). Getaran Jalur dan Warna. Petaling Jaya, Malaysia: Fajar Bakti Sdn Bhd.*
- _____. (1986). Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stake, R. (1995). The Art of Case Study Research. California: Sage Publication.*
- Tjetjep R. R. (2000a). Ekspresi Seni Orang Miskin, Adaptasi Simbolik Terhadap Kemiskinan. Bandung, Indonesia: Penerbit Nuansa.*
- _____. (2000b). Kesenian Dalam Pendekatan Budaya. Bandung, Indonesia: Penerbit STSI.

Torrance, E.P. (1990). Thinking creatively with words manual. Bensenville, IL: Scholastic Testing Service.

Vecchi, V. (2010). Art and Creativity in Reggio Emilia: Exploring the Role and Potential of Ateliers in Early Childhood Education. New York: Routledge.

Zakaria A. (1989). Seni dan Seniman: Esei-Esei Halus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.